



## **SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 02/2020 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Alhamdulillah dengan limpah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua dan dengan berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita hendaklah sentiasa bersyukur kerana dengan izinNya jua dapat bersama-sama melangkah ke tahun baru Masihi 2020 setelah menikmati keadaan negara yang aman dan sejahtera di tahun yang lalu dan diharapkan Negara Brunei Darussalam ini akan sentiasa diberkati dengan keadaan yang aman dan sejahtera di sepanjang tahun 2020 ini.

Selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam tidak mengira sama ada yang berkhidmat di Sektor Kerajaan ataupun di Sektor Swasta adalah diseru untuk sama-sama bertanggungjawab dalam menghayati dan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilaksanakan dengan menitikberatkan kerjasama yang sepadu daripada pelbagai pihak-pihak yang berkepentingan melalui kaedah 'Whole of Nation' demi merealisasikan matlamat-matlamat ke arah pembangunan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035. Antara lain Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah seperti berikut:

- Baginda menyeru supaya semua lapisan rakyat dan penduduk bersatu padu memelihara keamanan dan keharmonian tanpa ada pengecualian. Dengan memupukkan semangat bersatu untuk saling bantu-membantu, keamanan dan keharmonian negara akan dapat dicapai. Tanpa adanya keamanan dan kesejahteraan, pembangunan pasti tergendala.
- Baginda telahpun memperkenankan penubuhan *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* di Jabatan Perdana Menteri dan seterusnya menitikberatkan faktor yang diperlukan dalam usaha mengurangkan pengganguran dengan menjalinkan kerjasama di antara agensi-agensi Kerajaan dan Sektor Swasta.



-2-

- Baginda menasihatkan agar penerima bantuan di bawah Program Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) yang mempunyai keupayaan untuk bekerja dan berkeinginan untuk memulakan perniagaan diberikan bimbingan dan bantuan keusahawanan agar mereka akan belajar untuk berdikari sendiri tanpa bergantung semata-mata dengan bantuan Kerajaan.
- Baginda juga menyentuh mengenai dengan perkembangan era digital seperti teknologi *Edge, Cloud, Artificial Intelligence* dan *Extended Reality* yang dikaitkan dengan *Fourth Industrial Revolution* yang akan memacu transformasi industri digital.
- Baginda menekankan pentingnya untuk menyerlahkan kestabilan politik supaya pelaburan asing akan tertarik ke negara ini. Perkara ini juga dikaitkan dengan usaha negara untuk mempertingkatkan ekonomi khususnya di bidang '*food security*'. Dihasratkan juga untuk dapat dilaratkan kepada penanaman buah-buahan bagi menampung keperluan sendiri dan hasil daripadanya dapat dijadikan sebagai '*export commodity*' bagi jangka masa yang panjang.
- Oleh yang demikian, Baginda juga menyeru agar inisiatif untuk meneroka *Blue Economy* iaitu penerokaan terhadap sumber laut akan diterokai secara optima yang mana merupakan peluang untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan dapat menyumbangkan pekerjaan kepada anak-anak tempatan.
- Dalam hal yang sama juga, Baginda menyeru dan menghendaki penglibatan pihak-pihak berkepentingan seperti orang ramai, penuntut-penuntut, pihak swasta dan NGOs untuk bekerjasama dengan pihak Kerajaan dalam sama-sama mempertahankan dan melindungi alam sekitar bagi mengatasi isu dan penyebab pencemaran alam sekitar melalui inisiatif '*Tenaga Hijau*'. ✓

...../3



- 3 -

- Baginda juga mengingatkan supaya pihak-pihak yang berkepentingan untuk mengambil peluang-peluang yang ada, lebih-lebih lagi Negara kita akan menjadi tuan rumah ASEAN pada tahun 2021 dengan memupuk dan mengeratkan hubungan serta kerjasama dengan negara-negara sahabat dan rakan kongsi ASEAN bagi mencapai kestabilan dan pembangunan di bidang ekonomi, sosial, budaya, teknikal saintifik dan pentadbiran.
- Baginda melahirkan rasa kegembiraan di atas pencapaian kontinjen Negara semasa Sukan Asia Tenggara (*SEA Games*) yang ke 30 baru-baru ini di Republik Filipina dan mengingatkan bahawa kejayaan yang telah dicapai dijadikan sebagai tanda ukur supaya para atlet kita akan sentiasa mempertingkatkan prestasi dan kualiti.
- Akhir sekali, Baginda merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga perkhidmatan awam termasuklah yang berkhidmat di sektor swasta dan pasukan-pasukan keselamatan di atas usaha gigih dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing di sepanjang tahun 2019.

Di dalam usaha kita menjunjung dan menandai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri menaruh harapan tinggi khususnya warga perkhidmatan awam di negara ini untuk mengambil langkah-langkah yang pro-aktif dalam penambahbaikan diri, produktif, berintegriti, berfikiran positif, berwawasan serta bersemangat waja bagi merealisasikan hasrat Baginda.

Oleh yang demikian, sepertimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, agar semua lapisan masyarakat sama ada yang berkhidmat di Sektor Awam atau Swasta, untuk sentiasa bekerjasama dan mempunyai matlamat dan objektif yang sama untuk merealisasikan hasrat Baginda bagi memastikan pembangunan negara akan dapat dicapai selaras dengan Wawasan Brunei 2035. ✓

...../4



- 4 -

Pada kesempatan ini, Jabatan Perdana Menteri, sukacita menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga perkhidmatan awam termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan-Kedutaan Besar dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di luar negara, atas segala usaha, khidmat bakti dan sokongan padu yang diberikan serta taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Akhir sekali, marilah kita sama-sama berdoa semoga usaha-usaha murni kita selaku warga perkhidmatan awam dalam membangun negara akan sentiasa mendapat rahmat dan berkat serta petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

**[PENGIRAN HAJAH SITI NIRMALA BINTI PENGIRAN HAJI MOHAMMAD]**

Pemangku Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,  
Istana Nurul Iman  
Bandar Seri Begawan, BA 1000  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj: ( 2 ) JPM/SK/2020

Tarikh: 11 Jamadilakhir 1441

05 Februari 2020